

KERAJAAN MALAYSIA
MAJLIS DAERAH JEMPOL

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Pembekal-Pembekal / Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang , sub bidang, dan pecahan sub bidang (Bekalan dan Perkhidmatan) dan masih dibenarkan untuk membuat Pembekalan Sebut Harga adalah dipelawa untuk menyertai sebutharga di bawah:

No Sebut harga	Tajuk Sebut Harga	Taraf Pensyarikatan	Kod/ Sub Kod/ pengkhususan	Harga Dokumen RM	Tarikh Tutup Sebutharga
MDJL. 400-8/4/16	Membekal Dan Menghantar Bahan-bahan Binaan Jalan "Cold Mix Asphalt" ke Majlis Daerah Jempol dan Lain-lain Kerja Berkaitan.	Bumiputera Berdaftar Dengan Kementerian Kewangan Malaysia	<u>Kod Bidang</u> 09-Bahan Binaan Dan Peralatan Keselamatan Jalan Raya <u>Sub Bidang</u> 01-Bahan Binaan	30.00	12/10/2017 (Khamis)

Dokumen sebutharga boleh disemak dan diperolehi daripada Bahagian Jabatan Kejuruteraan Pejabat Majlis Daerah Jempol mulai dari **06hb. Oktober 2017 (Jumaat)**. Dokumen sebutharga tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas dan sehari (1 hari) sebelum tarikh tutup sebutharga seperti ternyata. Sebarang penjualan borang adalah tertakluk kepada pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) ke atas perolehan kerajaan sebanyak 6%.

Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai atau money order atau bank draft hendaklah atas nama **Yang Dipertua, Majlis Daerah Jempol** dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Daerah Jempol pada waktu pejabat. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

Taklimat akan diadakan pada **05 Oktober 2017 (Khamis)** pada jam **10.00 pagi** dan **pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal**. Pemborong yang berminat untuk menyertai taklimat ini hendaklah mendaftar di kaunter Bahagian Kejuruteraan **Majlis Daerah Jempol** sebelum **9.00 pagi**. **Pendaftaran semasa taklimat dijangka tidak dibenarkan.**

Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum pukul **12.00 t/hari** pada **12hb. Oktober 2017 (Khamis)**. Sila lampirkan salinan Sijil Pendaftaran GST bersama dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi bagi yang memiliki sijil tersebut

Setiap kesilapan pada borang sebutharga hendaklah ditandatangani balas, tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (liquid paper).

Pemborong yang tidak menghadiri taklimat secara automatik tidak akan di keluarkan borang kepada yang berkenaan. Pemborong dikehendaki membawa "surat- surat pendaftaran asal" beserta salinan-salinannya ketika membeli Dokumen Sebutharga.

Majlis Daerah Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagai nya atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebutharga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebutharga ini.

SYARAT-SYARAT SEMASA MENGHADIRI TAKLIMAT

1. Pemborong adalah daripada kontraktor yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia**
2. **Pemborong yang hadir dalam taklimat tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil taklimat .**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil "**asal**" **Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Pendaftaran di Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) taraf Bumiputera dan disahkan melalui Kad Pengenalan** (layak menghadiri taklimat).
4. Pemborong dikehendaki mendaftar terlebih dahulu di kaunter Bahagian Kejuruteraan Pejabat Majlis Daerah Jempol sebelum menghadiri taklimat.
5. Pendaftaran untuk menyertai taklimat selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan kecuali dengan sebab-sebab munasabah.

Tarikh Pengiklanan
28 September 2017



.....
(ROSTAM BIN OMAR)
Jurutera
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Jempol.